

Qalam

Bilangan 58 – Ramaḍān 1374 – Mei 1955 – 60 sen

Satu Bangsa, Satu Bahasa, Satu Negara

Kongres Pemuda yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 8, 9 dan 10 April 1955, sekalipun telah diboikot oleh UMNO, pertubuhan yang mengaku mewakili orang-orang Melayu, telah jaya dilangsungkan dengan dihadiri oleh beribu-ribu orang di antaranya pemuda UMNO sendiri di atas nama masing-masing.

Melihat kepada perhatian yang sebegitu besar maka dapatlah kita mengukur bahawa kemahuan pemuda itu terbayang bahawa selama ini mereka hanya terbawa-bawa kepada aliran perjuangan yang tampaknya bertopeng kepada, untuk dan kerana bangsa Melayu tetapi perjalanannya bukan untuk Melayu, kita berkeyakinan bahawa hasrat yang membawa pemuda-pemuda itu membanjiri kongres itu tidak lain sebabnya selain daripada asas yang diperjuangkan mereka ialah untuk menegakkan satu bangsa, satu bahasa dan satu negara iaitu bangsa Melayu, bahasa Melayu dan negara Melayu yang selama ini adalah tidak mendapat perhatian daripada pertubuhan-pertubuhan yang dinamakan Melayu yang sedang berbaik-baik dengan anak-anak dagang “yang pada mulanya datang menumpang” di negeri Melayu dan sekarang cuba hendak mengambil kekuasaan di dalamnya.

Di dalam masa setahun dua yang lalu tatkala kita cuba membawa perhatian kepada pembaca-pembaca tentang cita-cita perjuangan yang tiga itu maka kita telah dituduh menjalankan suatu langkah perjuangan kebangsaan yang sempit dan tatkala kita mengkritik langkah-langkah yang memalingkan daripada tujuan

itu maka kita telah dituduh hendak menggalang kemerdekaan yang dituntut itu dan berkesudahan, kerana kita tidak berhenti-henti mengulasnya dan memperingatkan, terjadilah suatu sejarah di dalam Tanah Melayu di dalaman kita mendapat suatu kehormatan dengan adanya pembakaran Qalam dan Warta yang diarak beramai-ramai oleh suatu pertubuhan yang melaungkan suaranya bekerja untuk bangsa Melayu tetapi akhirnya orang-orang awam Melayu yang keluar daripada pertubuhan itu nampak ke mana mereka di bawa, yang berkesudahan dengan adanya kongres yang kita percaya, kerana ia bercita-cita segala-galanya Melayu, akan disokong oleh umat Melayu seluruhnya.

Orang awam pada umumnya tidak dapat mengagak bagaimana sebuah pertubuhan “yang bekerja” kerana Melayu itu mengasingkan diri daripadanya. Adakah yang demikian itu kerana disebabkan kongres itu dianjurkan oleh sebuah badan yang kecil? Adakah kerana mereka mengiktiraf bahawa dirinya sahaja yang boleh bekerja “kerana Melayu”? Atau adakah kerana tujuannya kepada tiga cogan itu nanti menjadikan rakannya berkecil hati?

Jika itu yang dituju sudah tentulah sifatnya akan menzahirkan bahawa yang berhak berjuang di atas nama Melayu itu adalah daripada mereka sendiri-orang-orang yang di luar atau daripada pertubuhan-pertubuhan lain-tidak ada berhak langsung berjuang di atas nama Melayu!

Sekarang kongres telah berjaya menghasilkan suatu keputusan yang berjuang untuk bangsa Melayu. Dato’ Onn Bin Jaafar di dalam ucapannya di kongres itu telah menzahirkan cita-cita perjuangannya adalah semata-mata kerana bahasa, bangsa, dan negara Melayu. Sekalipun masa-masa yang telah lalu ia banyak membawa langkah-langkah yang lain yang disyak oleh bangsa Melayu sehingga dengan kerana kritik-kritik yang hebat terpaksa ia meninggalkan UMNO namun pengakuannya di kongres itu dan langkahnya dengan sikap menjadikan akuan rasmi terhadap bangsa Melayu adalah menjadi

suatu penawar kepada orang-orang kita dengan menjangka mudah-mudahan ia telah insaf dan berbalik kepada perjuangan yang asal kerana Melayu dan untuk Melayu.

Selama berlaku darurat di Malaya ini maka dengan sendirinya kuatkuasa penjajahan di sini semakin kuat dan mencuba dengan seberapa dayanya mengadakan dalihan-dalihan untuk memecahkan persatu paduan umat Melayu, dan zahir kepada kita perpecahan itu telah timbul yang dengannya pernah berulang-ulang kita menulis supaya ada barisan kebangsaan (*National Front*) yang diterbitkan daripada bersefahaman perjuangan bangsa Melayu yang dialirkan oleh beberapa aliran tetapi menuju kepada satu tujuan, iaitu untuk bangsa Melayu.

Alhamdulillah, sekarang *Front National* itu telah dicapai oleh kongres pemuda di Kuala Lumpur itu tetapi yang mendukacitakan sangat ialah UMNO tidak menyertainya. Dengan tidak ada sertanya itu tentulah orang-orang Melayu akan bertanya di bawa kemanakah UMNO oleh pimpinannya dalam memperjuangkan cita-cita perjuangan bangsa Melayu itu? Kemerdekaan apakah yang dituntut kalau Melayu tidak berdaulat di dalamnya? Keadaan yang samar-samar inilah yang telah menerbitkan syak kepada bangsa Melayu umumnya-terutamanya di dalam perjuangannya dua tiga tahun yang akhir ini.

Mudah-mudahan umat Melayu insaf kepada keadaan-keadaan di sekelilingnya dan mudah-mudahan mereka sedar janganlah kiranya perjuangan dan pengorbanan mereka semata-mata dijadikan batu loncatan bagi pemimpin-pemimpin untuk merebut kedudukan dengan membawa kerugian kepada umat Melayu seluruhnya. Kita berharap hasil-hasil kongres ini dapat dijalankan dan menjadi peringatan kepada perjuangan umat Melayu pada masa yang akan datang untuk tanah air, bahasa, dan bangsa Melayu.

Kita berharap bahawa kongres ini membawa kesedaran kepada kuatkuasa perpaduan bangsa sendiri dengan tidak berharap kepada tenaga orang lain supaya kelak

jangan nanti timbul bangkitan-bangkitan yang mengatakan bahawa kita tidak ada mempunyai rumah jika tidak dengan bantuan bangsa asing-rumah kita hanya dapat terdiri semata-mata dengan bantuan wang ringgit mereka. Yang demikian ini besar sungguh kesannya kepada anak-anak kita di belakang hari nanti.

Selain daripada itu kongres ini adalah membawa suatu hasil yang besar terhadap pimpinan-pimpinan Melayu yang telah “bercerai” pada masa yang lalu yang sekarang dapat bekerjasama semula iaitu di antara Dato’ Onn, Doktor Burhānuddin dan A. Ishak Bin Haji Muhammad. Kita berharap perpaduan ini membawa kesedaran kepada umat Melayu menyampaikan cita-cita mereka, berbahasa satu, berbangsa satu dan bertanah air satu- amin.

*

Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan

Di dalam Majlis Mesyuarat *Federal* yang bersidang pada awal bulan April telah ditetapkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan ini adalah di bawa oleh Encik Muhammad Rashid seorang ahli Parti Negara yang nampaknya telah bergerak dengan majunya mengikut perkembangan yang ada di sekeliling kemahuan rakyat Melayu di Persekutuan Tanah Melayu pada amnya, yang menghendaki supaya bahasa Melayu itu diakui sebagai suatu bahasa rasmi, yang hidup dan digunakan di mana-mana jua di Persekutuan Tanah Melayu, dengan amalan yang nyata.

Kita melihat kepada perkembangan yang ada, tidaklah rasanya ragu-ragu lagi kalau melihat bahawa langkah-langkah itu dijayakan dengan tegasnya oleh Parti Negara. Yang demikian adalah terbukti di dalaman seorang wakilnya yang bukan Melayu, di dalam majlis itu Tuan ‘Abdullāh, telah pun memulakan bercakap di dalam bahasa Melayu yang fasih. Kita berharap hendaknya akan melihat banyak lagi daripada orang-orang yang bukan Melayu bertutur di dalam bahasa Melayu di dalam persidangan majlis